

12 DEC 1998

LEAD Mahathir-Hartanah

KERAJAAN LONGGARKAN PINJAMAN PERUMAHAN, WUJUD INSENTIF BELI RUMAH

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Kerajaan hari ini melonggarkan syarat pinjaman perumahan kepada kakitangan awam berjawatan tetap yang belum disahkan jawatan dan menyediakan beberapa insentif untuk menggalakkan orang ramai membeli rumah dalam tempoh sebulan Kempen Memiliki Rumah.

Dengan kelonggaran itu, kakitangan awam yang berjawatan tetap dan bekerja selama setahun boleh memohon pinjaman perumahan kerajaan tanpa perlu disahkan ke dalam jawatan dalam tempoh kempen itu.

Sebelum ini, hanya pegawai kerajaan yang berkerja selama lima tahun, berjawatan tetap dan disahkan ke dalam jawatan layak dan dibenarkan memohon pinjaman perumahan kerajaan.

Kempen Memiliki Rumah yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sehingga 12 Jan, dianjurkan kerajaan dengan kerjasama Bank Negara, Persatuan Pemaju Perumahan dan Persatuan Bank-bank di Malaysia untuk mencergaskan semula sektor harta dalam usaha pemulihan ekonomi.

Dr Mahathir turut mengumumkan beberapa insentif khusus sepanjang tempoh kempen yang diadakan dengan tujuan memulihkan ekonomi dalam industri hartanah, khususnya unit rumah kediaman yang berharga kurang RM100,000 hingga melebihi RM250,000. Ia tidak termasuk rumah kos rendah.

Antara insentif yang diumumkan ialah pembiayaan pinjaman perumahan sehingga 95 peratus oleh bank dan institusi kewangan, diskaun 15 peratus kepada Bumiputera dan 10 peratus bukan bumiputera bagi harta-harta yang ditawarkan sepanjang tempoh kempen.

Insentif lain yang diadakan ialah bukan pemastautin atau rakyat asing tanpa permit kerja di Malaysia akan dibenar mendapatkan sehingga 50 peratus pembiayaan daripada institusi kewangan tempatan untuk membeli harta kediaman manakala bukan pemastautin dengan permit kerja, mereka layak untuk pembiayaan margin maksimum 95 peratus.

Mengikut keadaan biasa, bukan pemastautin tanpa permit kerja tidak dibenar mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan di negara ini sementara bukan pemastautin dengan permit kerja layak untuk hanya 60 peratus pembiayaan margin.

Bagaimanapun harta kediaman yang akan dibeli oleh bukan pemastautin adalah terhad kepada yang berharga melebihi RM250,000.

Bukan pemastautin perlu hanya memberitahu Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) mengenai pembelian harta-harta kediaman di Malaysia dalam tempoh itu berbanding dengan keadaan biasa, mereka dikehendaki memperolehi kelulusan daripada FIC sebelum membeli harta di sini.

Dr Mahathir berkata semua duti setem akan dikecualikan terhadap pembelian yang dibuat semasa tempoh kempen itu.

Merujuk kepada lot-lot Bumiputera yang tidak terjual, Perdana Menteri berkata ia boleh dibeli oleh bukan Bumiputera semasa tempoh kempen tetapi kelonggaran ini hanya digunapakai kepada unit-unit yang siap dan bukan rumah kos rendah.

Untuk mempermudah urusaniaga, kerajaan-kerajaan negeri juga akan mengecualikan levi yang dikenakan ke atas pembelian lot-lot Bumiputera oleh bukan Bumiputera dalam tempoh kempen itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah memikirkan beberapa galakan untuk mencergaskan semula sektor hartanah bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi.

Katanya terdapat lebihan kira-kira RM80 bilion harta merangkumi rumah, hotel dan jenis harta lain dalam kelembapan ekonomi sekarang.

"Saya berharap tuan-tuan (pemaju) boleh menjual lebih daripada RM5 bilion hartanah (dalam tempoh kempen ini)," katanya.

Katanya lebih yang besar itu disebabkan kesalahan "pentadbiran kewangan di negara ini sebelum ini, yang memutuskan bahawa pasaran harta bukanlah bidang keutamaan."

Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia Datuk Amirsham A Aziz memberitahu pemberita kemudian bahawa sistem perbankan mempunyai mudah-tunai untuk menjual lebih RM5 bilion unit-unit kediaman semasa tempoh kempen seperti dijangka Perdana Menteri.

Mengenai kebimbangan lot-lot Bumiputera akan dijual secara sewenang-wenangnya kepada pembeli bukan bumiputera, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Azmi Khalid berkata pembeli Bumiputera boleh mengemukakan aduan kepada kementerian dan kerajaan-kerajaan negeri mengenainya.

Katanya kementerian dan kerajaan negeri akan mempunyai satu jawatankuasa bagi memastikan pemaju perumahan tidak mengambil kesempatan dengan kelonggaran yang diberikan kerajaan.

Perdana Menteri turut mengarahkan pemaju perumahan dan institusi kewangan yang menyertai kempen itu mengadakan pameran hartanah yang akan dijual di seluruh negara.

Katanya dengan pameran itu orang ramai yang ingin membeli hartanah dapat melihat sendiri model unit kediaman, rumah kedai dan kilang, mendapatkan maklumat dan keterangan termasuk kemudahan pinjaman mengenai hartanah yang berkenaan dengan cepat.

Bank dan institusi kewangan juga perlu mengadakan kaunter mereka di pameran hartanah itu termasuk peguam hartanah menyediakan khidmat bagi membolehkan pembeli mendapatkan keterangan serta membuat keputusan dengan cepat mengenai hartanah yang ingin dibeli.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed dalam persidangan berita selepas itu berkata pegawai Perbendaharaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) akan ditempatkan di pameran hartanah berkenaan bagi memudahkan orang ramai mendapat maklumat dan kelulusan dengan segera.

Presiden Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia Datuk Eddy Chen berkata HDAM akan mengadakan pameran hartanah sekurang-kurangnya di tiga tempat - di Lembah Klang, Johor Baharu bagi bahagian selatan tanah air dan Pulau Pinang untuk kawasan utara.

Dr Mahathir turut berharap pemaju-pemaju hartanah akan bekerja sama di dalam kempen itu dan membuat pengorbanan seperti yang dilakukan oleh kerajaan.

Beliau turut menggesa para pemaju supaya tidak mencari helah seperti menawarkan hartanah yang tidak baik untuk jualan dan meletakkan tanda-tanda bahawa hartanah yang baik telahpun dijual.

-- BERNAMA

HS RON